

RM191.5b untuk pacu ekonomi

KUALA LUMPUR – Datuk Seri Najib Tun Razak semalam membentangkan Bajet 2010 berjumlah RM191.5 bilion yang mengandungi tiga strategi utama iaitu untuk memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, memastikan pembangunan holistik dan mapan serta mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Najib dalam ucapan bajet sulungnya sebagai Perdana Menteri yang bertemakan 'IMalaysia, Kemakmuran Bersama' memperuntukkan RM138.3 bilion atau 72.2 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan RM53.2 bilion atau 27.8 peratus untuk perbelanjaan pembangunan.

Ia merupakan pengurangan sebanyak 11.2 peratus berbanding RM207.9 bilion untuk Bajet 2009.

"Sungguhnyanya, inilah bajet yang menyusuri keperluan dan meresapi denyut nadi rakyat. Inilah satu persembahan yang tulus dan ikhlas daripada kerajaan yang menjiwai rakyat," katanya sambil mendapat tepukan ahli-ahli Dewan Rakyat semalam.

Beliau yang segar memakai baju Melayu biru mengambil masa kira-kira dua jam untuk membentangkan ucapan setebal 55 halaman itu.



NAJIB ketika membentangkan Bajet 2010 di Parlimen semalam.

Beliau memberi jaminan kerajaan akan menjaga kebajikan golongan pelajar, menggilap kemahiran tenaga kerja dan memperkasa institusi pengajian tinggi awam.

Satu penekanan beliau dalam perbelanjaan tahun depan ialah terhadap produk dan perkhidmatan mesra alam sekitar yang mematuhi piawaian teknologi hijau.

"Bagi menggalakkan teknologi hijau, kerajaan akan mewujudkan dana berjumlah RM1.5 bilion.

"Dana ini akan menyediakan pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat yang membekal dan menggunakan teknologi hijau," katanya

Sepanjang pembentangan bajet, Najib langsung tidak diganggu oleh barisan wakil rakyat pembangkang yang duduk menghadap beliau.

Malah setiap kali beliau menyentuh tentang peruntukan dan rancangan untuk rakyat jelata, Dewan berge-mengan dengan tepukan meja daripada penyokong-penyokong kerajaan.

Info Bajet 2010

Jumlah Peruntukan
RM191.5 bilion

Perbelanjaan Mengurus
RM138.3 bilion

- Emolumenten - RM42.2 bilion
- Pemberian dan Kenaan
- Bayaran Tetap - RM73.9 bilion
- Perkhidmatan dan Bekalan - RM20.8 bilion
- Pembelian Aset - RM524 juta
- Perbelanjaan lain - RM800 juta

Perbelanjaan Pembangunan
RM53.2 bilion

- Sektor Ekonomi - RM25.4 bilion
- Sektor Sosial - RM20.3 bilion
- Sektor Keselamatan - RM3.7 bilion
- Pentadbiran Am - RM1.8 bilion
- Simpanan Luar Jangka - RM2 bilion

Peruntukan 2009
RM207.9b

Najib juga dilihat meneguk air sebanyak empat kali bagi menghilangkan dahaga.

Beliau sempat tersenyum sambil menyebut 'demam, batuk dan selesema' apabila mengumumkan operasi Klinik IMalaysia yang mendapat sambutan daripada ahli Dewan.

Intipati Bajet 2010

APA YANG ORANG MUDA DAPAT?

- Pakej netbook termasuk perkhidmatan jalur lebar percuma kepada 100,000 pelajar universiti tempatan dengan bayaran RM50 sebulan untuk tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2010.
- Diskaun tambang 50 peratus bagi perkhidmatan kereta api KTMB jarak jauh kepada pelajar berumur 13 tahun sehingga mereka masih bertaraf pelajar.
- Semua kementerian dan jabatan kerajaan diwajibkan untuk menyediakan pusat penjagaan harian dan pendidikan anak-anak dengan setiap kementerian dan jabatan diberi peruntukan RM200,000.
- Menganugerahkan Biasiswa Nasional kepada 30 pelajar terbaik di kalangan yang terbaik berasaskan kepada merit sepenuhnya. Penyandang Biasiswa Nasional ini akan melanjutkan pelajaran ke universiti tersohor di dunia.
- Menukar pinjaman PTPN kepada biasiswa bagi pelajar yang berjaya menamatkan pengajian ijazah sarjana muda kelas pertama atau setaraf dengannya bermula tahun 2010.
- Kadar elaun kanak-kanak OKU di sekolah pendidikan khas kelolaan NGO dinaikkan daripada RM50 kepada RM150 sebulan bagi setiap orang mulai 1 Januari 2010.
- Peruntukan tambahan RM20 juta untuk 20 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)
- Peruntukan RM100 juta bagi pelaksanaan Program PERMATA, yang memberi penekanan terhadap kaedah pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak secara bersepadu dan terancang.



AGIHAN UNTUK GOLONGAN LAIN

- Bayaran khas RM500 kepada penjawat awam bagi Gred 41 hingga Gred 54 dan setaraf dengannya serta pesara wajib kerajaan pada bulan Disember 2009.
- Peningkatan pengecualian cukai pendapatan kepada penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan daripada 50 peratus nilai peningkatan pendapatan eksport kepada 100 peratus sebagai galakan untuk menarik lebih ramai pelancong kesihatan.
- Pelepasan cukai individu ke atas yuran langganan jalur lebar sehingga RM500 setahun mulai 2010 hingga 2012.
- Pinjaman pembelian komputer maksimum RM5,000

Had pelepasan cukai naik kepada RM9,000

KUALA LUMPUR - Sebanyak tiga juta pembayar cukai mendapat kelegaan dalam Bajet 2010 yang menaikkan had pelepasan diri daripada RM8,000 kepada RM9,000.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan pembentangan Bajet 2010 di Dewan Rakyat semalam berkata, tujuan jumlah pelepasan diri itu dinaikkan adalah bagi membantu pembayar cukai mendapat lebih tunai.

"Ini bermakna setiap pembayar cukai individu akan menikmati peningkatan pendapatan boleh guna sebanyak RM1,000, dan pelepasan ini juga berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2010,"

katanya.

Dalam bajet yang pertama kali dibentangkannya sebagai Menteri Kewangan, Najib berkata, bagi memastikan cukai pendapatan individu kekal kompetitif dan meneruskan agenda ekonomi berdasarkan kepada kreativiti, inovasi dan nilai ditambah tinggi, kerajaan mencadangkan cukai pendapatan maksimum dikurangkan daripada 27 peratus kepada 26 peratus.

Katanya, kadar cukai maksimum bagi koperasi dan individu bukan pemas-tautin diturunkan kepada 26 peratus.

Sementara itu, dalam usaha menarik lebih ramai bakat dari dalam dan luar negara, dan bagi merencanakan lagi

pembangunan Wilayah Pembangunan Malaysia, kerajaan mencadangkan satu insentif cukai yang amat inovatif dan radikal.

"Kerajaan mencadangkan cukai ke atas pendapatan pekerja berpengetahuan rakyat Malaysia di asing yang bermastautin di Iskandar Malaysia dikenakan cukai 15 peratus, berbanding dengan kadar maksimum 26 peratus untuk seluruh negara," kata Najib.

Namun, katanya, ia terhad kepada aktiviti seperti teknologi hijau, bioteknologi, perkhidmatan pendidikan, penjagaan kesihatan, industri kreatif, khidmat nasihat kewangan dan konsultansi serta pelancongan.

Intipati Bajet 2010

DANA INDUSTRI KREATIF

- Penyediaan Dana Industri Kreatif berjumlah RM200 juta bagi membiayai aktiviti seperti pengeluaran filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan.
- Peruntukan RM3 juta sebagai geran pelancaran penubuhan Tabung Kebajikan Penganjur Seni bagi memastikan kebajikan warga seni sentiasa terbelas dan diberi perhatian.

KEMAHIRAN TENAGA KERJA

- Dana sebanyak RM1.3 bilion bagi membiayai pengurusan dan menaik taraf politeknik dan kolej komuniti
- Peruntukan sebanyak RM1.35 bilion bagi membina dan menaik taraf Institut Latihan Perindustrian, Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Institut Kemahiran Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut

Kemahiran Tinggi Belia Negara dan pusat latihan negeri-negeri.

MENCEGAH JENAYAH

- Sasaran mengurangkan indeks jenayah sebanyak lima peratus termasuk mengurangkan kadar jenayah ragut dan samun sebanyak 20 peratus menjelang 2010.
- Sejumlah RM1 bilion disediakan bagi meningkatkan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2010 termasuk menyediakan balai polis di 50 kawasan 'hotspot'.
- Dana RM1.9 bilion untuk meningkatkan kelengkapan anggota tentera manakala Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia menerima RM622 juta.

INSENTIF TEKNOLOGI HIJAU

- Memperuntukkan RM20 juta untuk mempergiatkan aktiviti kesedaran hijau dan

amalan mesra alam sekitar.

- Menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai Bandar Teknologi Hijau yang akan menjadi pelopor kepada pembangunan bandar lain.
- Mewujudkan dana berjumlah RM1.5 bilion bagi membolehkan syarikat pengeluar dan syarikat pengguna teknologi hijau membuat pinjaman mudah untuk membiayai aktiviti mereka, dengan RM50 juta untuk syarikat pengeluar dan RM10 juta untuk syarikat pengguna.
- Permohonan pinjaman boleh dibuat melalui Pusat Teknologi Hijau Negara. Skim ini dijangka memberi faedah kepada lebih 140 syarikat dan dimulakan pada 1 Jan 2010
- Pemilik bangunan yang memperoleh sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI) mulai 24 Okt, 2009 hingga 31 Dis, 2014 diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan.

pinjaman komputer maksimum RM5,000 ditawarkan kepada penjawat awam setiap tiga tahun sekali berbanding lima tahun sekali sekarang.

- Subsidi, insentif dan bantuan hampir RM2 bilion untuk membela nasib golongan petani dan nelayan.
- Peruntukan lebih RM9 bilion untuk projek infrastruktur termasuk pembinaan jalan, jambatan, bekalan air, perkhidmatan pembentangan, pelabuhan dan perkhidmatan laut serta projek lapangan terbang.
- Peruntukan tambahan RM20 juta di bawah Tabung Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) untuk usahawan kecil kaum India (peruntukan sedia ada RM15 juta).
- Perlindungan insurans dan takaful mikro untuk peniaga kecil-kecilan mendapat manfaat perlindungan dalam lingkungan RM10,000 hingga RM20,000 dengan premium serendah RM20 sebulan.
- Menubuhkan 14 lagi Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rayuan Kes Rasuah.
- Kadar cukai pendapatan individu maksimum dikurangkan daripada 27 peratus kepada 26 peratus berkuatkuasa tahun taksiran 2010.
- Pelepasan diri kepada pembayar cukai pendapatan individu dinaikkan kepada RM9,000 daripada RM8,000 mulai tahun taksiran 2010 bagi membolehkan pembayar cukai menikmati peningkatan pendapatan boleh guna sebanyak RM1,000.
- Hampir 50,000 isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah program eKasih dan 4,000 isi rumah Orang Asli yang telah dikenal pasti akan dibantu untuk mencapai matlamat sifar kemiskinan tegar. Peruntukan RM41 juta untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli.

- Peruntukan RM48 juta bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan bandar meliputi bantuan kebajikan dan program bayaran sewa rumah dan Kementerian Wilayah Persekutuan ditukarkan nama kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.
- Peruntukan RM224 juta kepada OKU untuk bantuan, melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti dan peruntukan RM174 juta untuk warga emas.
- Penubuhan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia yang diuruskan oleh KWSP.
- Potongan caruman pekerja KWSP dinaikkan semula ke kadar 11 peratus secara sukarela berkuat kuasa serta-merta.



SEKILAS BAJET 2010



'1MALAYSIA,
KEMAKMURAN
BERSAMA'

Jumlah Peruntukan:

RM191.5 bilion
(Perbelanjaan Mengurus
RM138.3b dan Perbelanjaan
Pembangunan RM53.2b)



Kakitangan awam Gred 41
hingga Gred 54 serta pesara
wajib dapat bayaran khas
RM500

Kadar cukai individu turun 1
peratus kepada 26 peratus,
pelepasan diri naik kepada
RM9,000

Kadar potongan
Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja
(KWSP) naik kepada 11
peratus secara sukarela



Pakej netbook termasuk
jalur lebar untuk 100,000
pelajar universiti

Pelepasan cukai pakej
langganan jalur lebar
sehingga RM500 setahun

Penjawat awam dibenar
membuat pinjaman
maksimum
RM5,000 untuk
membeli
komputer setiap
tiga tahun




Kad diskaun tambang 50
peratus 1Malaysia untuk
pelajar

RM1.3 bilion untuk bantu
politeknik serta kolej
komuniti serta pinjaman
kepada 32,000 pelajar



Menubuhkan Skim Simpanan
Persaraan 1Malaysia yang
diuruskan KWSP

Cukai perkhid-
matan RM50
bagi setiap kad
kredit utama
dan kad caj
serta RM25 setahun
bagi kad tambahan



Cukai rokok
tidak
dinaikkan

kosmo

24/10/2009